



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**SEKTOR PERDAGANGAN PENGEDARAN SEPANJANG PELAN**  
**PEMULIHAN NEGARA (PPN)**

---

**BAHAGIAN 1: SOALAN UMUM MENGENAI OPERASI SEPANJANG PELAN PEMULIHAN NEGARA BERFASA**

1. **Apakah aktiviti perdagangan pengedaran yang dikategorikan sebagai perkhidmatan perlu dalam tempoh Fasa Pertama, Kedua dan Ketiga Pelan Pemulihan Negara?**

Terdapat empat belas (14) kategori sub-sektor perkhidmatan perlu bagi **Fasa Pertama** Pelan Pemulihan Negara (PPN) di bawah sektor perdagangan pengedaran (**tiada syarat vaksinasi**) seperti berikut:

<b>Aktiviti</b>	<b>Kapasiti Pekerja</b>	<b>Prosedur Operasi Standard (SOP)</b>
Premis pasaraya/ pasaraya besar, <i>departmental store</i> , kedai farmasi/ penjagaan diri dan kedai serbaneka/ <i>mini mart</i> di kompleks membeli belah.	100%	Mewajibkan had jumlah pelanggan dalam satu-satu masa mengikut keluasan premis perniagaan dengan penetapan satu (1) orang bagi setiap empat (4) meter per persegi.
i. Pasaraya/ pasaraya besar ii. <i>Departmental store</i> kecuali seksyen pakaian, perhiasan, kosmetik dan alat permainan kanak-kanak. iii. Kedai farmasi/ penjagaan diri iv. Kedai serbaneka/ <i>mini market</i> v. Kedai Runcit	100%	Mewajibkan had jumlah pelanggan dalam satu-satu masa mengikut keluasan premis perniagaan dengan penetapan satu (1) orang bagi setiap empat (4) meter per persegi.  Pusat Pengedaran ( <i>Distribution Centre</i> ) tertakluk kepada waktu operasi biasa.

Restoran ( <i>take away / delivery</i> )	60%	<p>Bagi perkhidmatan <i>delivery / take away</i>.</p> <p>Perkhidmatan <i>dine-in</i> tidak dibenarkan tanpa syarat vaksinasi lengkap bagi pekerja dan pelanggan.</p>
Dobi (termasuk layan diri)	60%	<p>Memberi tugas kepada sekurang-kurangnya seorang pekerja untuk memastikan kawalan keluar masuk pelanggan bagi dobi layan diri.</p>
Stesen minyak	60%	<p>Kedai serbaneka di stesen minyak beroperasi antara 8.00 pagi - 8.00 malam.</p>
Kedai penjagaan haiwan/ makanan haiwan	60%	<p>Hanya aktiviti jual beli produk penjagaan dan makanan haiwan sahaja dibenarkan.</p>
Kedai cermin mata dan barang optik	60%	<p>Hanya aktiviti jual beli dan pembaikan cermin mata sahaja dibenarkan.</p> <p>Penggunaan <i>testers</i> tanpa khidmat rundingan oleh pakar runding / pekerja adalah tidak dibenarkan.</p> <p>Rundingan dengan Pegawai Optometris perlu merujuk kepada SOP Sektor Kesihatan.</p>
Kedai peralatan sembahyang dan pengebumian	60%	-
Kedai buku dan alat tulis	60%	<p>Perkhidmatan berkaitan seperti percetakan, fotostat, penjilidan, <i>binding</i></p>

		dan <i>laminated</i> adalah dibenarkan.
Kedai komputer dan telekomunikasi	60%	Rangkaian dan perkhidmatan berkaitan seperti pusat panggilan perkhidmatan pelanggan, penjualan aksesori dan gajet adalah dibenarkan.
Kedai <i>hardware</i>	60%	Hanya aktiviti jual beli produk <i>hardware</i> sahaja dibenarkan. Pemasangan dan pembaikan di rumah pelanggan bagi Fasa Pertama PPN tidak dibenarkan.
Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti (termasuk alat ganti terpakai)	60%	Perkhidmatan cuci kenderaan tidak dibenarkan tanpa syarat vaksinasi lengkap.
E-dagang bagi semua kategori produk	60%	Premis perniagaan yang menjalankan perniagaan secara e-dagang hanya dibenarkan untuk operasi pembungkusan dan penghantaran sahaja.
Pemborongan dan Pengedaran bagi kategori produk perkhidmatan perlu sahaja.	100%	Pusat Pengedaran ( <i>Distribution Centre</i> ) tertakluk kepada waktu operasi biasa.

Bagi perniagaan yang tertakluk di bawah **Fasa Kedua PPN (tiada syarat vaksinasi)** adalah dibenarkan untuk beroperasi dengan kapasiti pekerja 80% dan 3 sub sektor tambahan bagi no 1 seperti berikut:

Aktiviti	Kapasiti Pekerja	Prosedur Operasi Standard (SOP)
Kedai cuci kenderaan	80%	Cucian asas kenderaan dan perkhidmatan lain yang tidak melebihi 1 jam.
Kedai gunting rambut, <i>hair dresser</i> dan salun / pusat kecantikan	80%	Hanya perkhidmatan gunting rambut asas sahaja dibenarkan.
Kedai elektrik dan elektronik	80%	Pemasangan dan pembaikan adalah dibenarkan.
Restoran ( <i>take away / delivery</i> )	80%	Bagi perkhidmatan <i>delivery / take away</i> . Perkhidmatan <i>dine-in</i> tidak dibenarkan tanpa syarat vaksinasi lengkap bagi pekerja dan pelanggan.

2. Manakala, bagi perniagaan yang tertakluk di bawah **Fasa Pertama PPN dengan syarat vaksinasi lengkap pelanggan (2 dos)** adalah dibenarkan untuk beroperasi bagi sub sektor tambahan seperti berikut:

Aktiviti	Kapasiti Pekerja		Prosedur Operasi Standard (SOP)
Restoran ( <i>Dine-In</i> dibenarkan)	Kadar Vaksin Lengkap	Kapasiti	Perlu mematuhi syarat vaksinasi lengkap bagi pekerja dan pelanggan.
	40%	60%	
	60%	80%	
	80%	100%	

Kedai cuci kenderaan	60%	Cucian asas kenderaan dan perkhidmatan lain yang tidak melebihi 1 jam.
Kedai gunting rambut, <i>hair dresser</i> dan salon / pusat kecantikan	60%	Hanya perkhidmatan gunting rambut asas sahaja dibenarkan.
Kedai elektrik dan elektronik	60%	Pemasangan dan pembaikan adalah dibenarkan.
Kedai barangan rumah dan peralatan dapur	60%	Pemasangan dan pembaikan adalah dibenarkan.
Kedai perabot	60%	Pemasangan dan pembaikan adalah dibenarkan.
Kedai peralatan sukan	60%	Tempoh masa pelanggan di dalam semua premis peruncitan dihadkan kepada maksimum dua (2) jam sahaja
Kedai aksesori kenderaan	60%	Tempoh masa pelanggan di dalam semua premis peruncitan dihadkan kepada maksimum dua (2) jam sahaja
Pusat pengedaran dan jualan kenderaan	60%	Pandu uji kenderaan adalah tidak dibenarkan
Kedai pakaian, fesyen dan aksesori (termasuk kasut, selipar, beg, topi, stoking, jam dan lain-lain) termasuk di <i>Departmental store</i>	60%	Penggunaan bilik acu pakaian ( <i>fitting room</i> ) adalah tidak dibenarkan.  Menyediakan sarung tangan pakai buang bagi kegunaan pelanggan.

Kedai barang kemas	60%	Menyediakan sarung tangan pakai buang bagi kegunaan pelanggan.
--------------------	-----	--

Bagi perniagaan yang tertakluk di bawah **Fasa Kedua PPN dengan syarat vaksinasi lengkap pelanggan (2 dos)** adalah dibenarkan untuk beroperasi bagi sub sektor tambahan seperti berikut:

Aktiviti	Kapasiti Pekerja		Prosedur Operasi Standard (SOP)
	Kadar Vaksin Lengkap	Kapasiti	
Restoran ( <i>Dine-In</i> dibenarkan)	40%	60%	Perlu mematuhi syarat vaksinasi lengkap bagi pekerja dan pelanggan.
	60%	80%	
	80%	100%	
Kedai barangan rumah dan peralatan dapur	80%		Pemasangan dan pembaikan adalah dibenarkan.
Kedai perabot	80%		Pemasangan dan pembaikan adalah dibenarkan.
Kedai peralatan sukan	80%		Tempoh masa pelanggan di dalam semua premis peruncitan dihadkan kepada maksimum dua (2) jam sahaja
Kedai aksesori kereta	80%		Tempoh masa pelanggan di dalam semua premis peruncitan dihadkan kepada maksimum dua (2) jam sahaja

Pusat pengedaran dan jualan kereta	80%	Pandu uji kenderaan adalah tidak dibenarkan
Kedai pakaian, fesyen dan aksesori (termasuk kasut, selipar, beg, topi, stoking, jam dan lain-lain) termasuk di <i>Departmental store</i>	80%	Penggunaan bilik acu pakaian ( <i>fitting room</i> ) adalah tidak dibenarkan. Menyediakan sarung tangan pakai buang bagi kegunaan pelanggan.
Kedai barang kemas	80%	Menyediakan sarung tangan pakai buang bagi kegunaan pelanggan.
Kedai barang fotografi dan perkhidmatan fotografi	80%	Tempoh masa pelanggan di dalam semua premis peruncitan dihadkan kepada maksimum dua (2) jam sahaja
Kedai barangan terpakai	80%	Tempoh masa pelanggan di dalam semua premis peruncitan dihadkan kepada maksimum dua (2) jam sahaja
Kedai bunga dan nurseri	80%	Tempoh masa pelanggan di dalam semua premis peruncitan dihadkan kepada maksimum dua (2) jam sahaja
Kedai kraftangan dan cenderahati	80%	Tempoh masa pelanggan di dalam semua premis peruncitan dihadkan kepada maksimum dua (2) jam sahaja
Kedai antik	80%	Tempoh masa pelanggan di dalam semua premis peruncitan dihadkan kepada maksimum dua (2) jam sahaja

Kedai alat permainan	80%	Tempoh masa pelanggan di dalam semua premis peruncitan dihadkan kepada maksimum dua (2) jam sahaja
Kedai permaidani	80%	Tempoh masa pelanggan di dalam semua premis peruncitan dihadkan kepada maksimum dua (2) jam sahaja
Kedai kandungan kreatif dan peralatan industri kreatif	80%	Tempoh masa pelanggan di dalam semua premis peruncitan dihadkan kepada maksimum dua (2) jam sahaja
Kedai peralatan outdoor (termasuk peralatan perkhemahan, memancing dan lainlain);	80%	Tempoh masa pelanggan di dalam semua premis peruncitan dihadkan kepada maksimum dua (2) jam sahaja
Kedai kosmetik, penjagaan kulit dan minyak wangi	80%	Penggunaan <i>testers</i> tanpa khidmat rundingan oleh pakar runding / pekerja adalah tidak dibenarkan.
Kedai tembakau (termasuk <i>vape</i> dan rokok elektronik)	80%	Penggunaan <i>testers</i> tanpa khidmat rundingan oleh pakar runding / pekerja adalah tidak dibenarkan.

3. Bagi perkara **No. 2**, pemilik premis yang tersenarai dalam perniagaan boleh beroperasi semula ini juga perlu memastikan pelanggan yang memasuki premis **MESTI** menunjukkan sijil digital vaksinasi COVID-19 (*digital certificate COVID-19 vaccination*) bagi membuktikan individu tersebut telah menerima vaksinasi lengkap. Maksud vaksinasi lengkap ialah 14 hari selepas tarikh suntikan dos kedua bagi vaksin jenis dua dos, dan 28 hari selepas tarikh suntikan bagi vaksin jenis satu dos.



4. Adakah kategori/ jenis perniagaan yang tidak tersenarai pada soalan No. 1 dan 2 dibenarkan menjalankan perniagaan sepanjang tempoh Fasa Pertama PPN?

**TIDAK.** Hanya kategori perniagaan yang dikategorikan sebagai perkhidmatan perlu seperti jadual pada soalan No. 1 dan 2 dibenarkan beroperasi berdasarkan Prosedur Pengoperasian Standard (SOP) yang ketat. Antara jenis perniagaan yang **TIDAK DIBENARKAN** sepanjang tempoh Fasa Pertama PPN adalah seperti berikut:

- (i) Kedai barang fotografi/ perkhidmatan fotografi;
- (ii) Kedai barangan terpakai;
- (iii) Kedai bunga/ nurseri;
- (iv) Kedai kraftangan dan cenderahati;
- (v) Kedai antik;
- (vi) Kedai alat permainan;
- (vii) Kedai permaidani;
- (viii) Kedai kandungan kreatif/ peralatan industri kreatif;
- (ix) Kedai *outdoor* (termasuk peralatan perkhemahan, memancing dan lain-lain);
- (x) Kedai kosmetik, penjagaan kulit dan minyak wangi; dan
- (xi) Kedai tembakau (termasuk *vape* / rokok elektronik).

5. Bagi perniagaan yang tertakluk di bawah Fasa Ketiga PPN (tiada syarat vaksinasi) adalah dibenarkan untuk beroperasi dengan kapasiti pekerja 80% dan keseluruhan sub sektor tertakluk kepada syarat berikut:

Aktiviti	Kapasiti Pekerja	Prosedur Operasi Standard (SOP)
Keseluruhan sektor perdagangan dan pengedaran dibenarkan beroperasi	80%	Dibenarkan beroperasi tertakluk kepada SOP sedia ada mengikut syarat lesen PBT yang ditetapkan.
Restoran ( <b><i>Dine In</i></b> dibenarkan)	80%	Dibenarkan dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya <b>1 meter bergantung kepada saiz meja.</b>
Pusat kecantikan	80%	Semua perkhidmatan asas dibenarkan kecuali spa, refleksologi, pusat urut, <i>wellness</i> dan perkhidmatan <i>pedicure/manicure</i> tidak dibenarkan beroperasi.

**6. Apakah had waktu operasi bagi aktiviti perkhidmatan perlu dibawah sektor perdagangan pendedaran?**

Aktiviti	Fasa	Waktu Operasi
Stesen Minyak	1	6.00 pagi – 8.00 malam
	2	6.00 pagi – 10.00 malam
	3	6.00 pagi – 12.00 tengah malam
	1, 2 dan 3	24 jam (Lebuhraya bertol)
Restoran	1 dan 2	6.00 pagi – 10.00 malam
	3	6.00 pagi – 12.00 tengah malam
Lain-lain aktiviti perkhidmatan perlu	1	8.00 pagi – 8.00 malam
	2	6.00 pagi – 10.00 malam
Semua aktiviti perkhidmatan	3	6.00 pagi – 12.00 tengah malam

**7. Adakah terdapat had waktu operasi bagi restoran, seksyen makanan & minuman dan medan selera (*food court*) yang beroperasi di kompleks membeli-belah?**

Semua restoran, seksyen makanan & minuman dan medan selera (*food court*) yang beroperasi di kompleks membeli-belah bagi **Fasa 1** dan **Fasa 2** dibenarkan beroperasi antara jam **6.00 pagi ke 10.00 malam** bergantung kepada waktu operasi yang ditetapkan oleh pihak pengurusan kompleks. Namun, aktiviti perkhidmatan perlu yang dibenarkan beroperasi di kompleks membeli-belah selain restoran, seksyen makanan & minuman dan medan selera (*food court*) adalah tertakluk kepada waktu operasi antara jam 8.00 pagi ke 8.00 malam. Manakala, bagi **Fasa 2** dibenarkan beroperasi bermula jam **6.00 pagi ke 10.00 malam** dan **Fasa 3** dibenarkan beroperasi bermula dari **6.00 pagi ke 12.00 tengah malam**.

**8. Adakah kompleks membeli belah, pasaraya besar, dobi layan diri dan kedai cermin mata perlu menyediakan seorang petugas di pintu-pintu masuk premis?**

**YA.** Kompleks membeli belah, pasaraya besar, dobi layan diri dan kedai cermin mata wajib menyediakan sekurang-kurangnya seorang petugas di pintu-pintu masuk premis untuk memastikan pematuhan SOP yang tinggi.

9. Adakah aktiviti *dine-in* di restoran termasuk di hotel, rumah kelab sukan dan rekreasi, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji, penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera, pusat penjaja, gerai makan tepi jalan dan kiosk dibenarkan beroperasi?

Aktiviti *dine-in* di restoran termasuk di hotel, rumah kelab sukan dan rekreasi, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji, penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera, pusat penjaja, gerai makan tepi jalan dan kiosk **dibenarkan** bagi perniagaan yang tertakluk di bawah **Fasa Pertama** dan **Kedua PPN** dengan **SYARAT** hanya pelanggan yang telah lengkap divaksin sahaja dan kapasiti 50% bagi setiap meja serta penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter manakala *dine-in* **dibenarkan** bagi perniagaan yang tertakluk di bawah **Fasa Ketiga PPN** tanpa dikenakan syarat vaksinasi lengkap.

10. Apakah Prosedur Pengoperasian Standard (SOP) yang perlu dipatuhi oleh pemilik premis dan pelanggan bagi aktiviti *dine in* di bawah Fasa Pertama dan Kedua PPN?

Tindakan yang perlu diambil oleh pemilik premis dan pelanggan bagi saringan kesihatan dan deklarasi vaksinasi iaitu hanya pelanggan yang telah mendapat vaksin lengkap dan mempunyai sijil vaksinasi (*Digital Certificate*) di aplikasi MySejahtera sahaja dibenarkan untuk *dine in*. Pelanggan juga hendaklah menunjukkan sijil vaksinasi (*Digital Certificate*) yang lengkap di aplikasi MySejahtera sebelum dibenarkan *dine in* serta pemilik premis bertanggungjawab untuk menyediakan petugas atau pekerja bagi menyemak sijil vaksinasi (*Digital Certificate*) pelanggan di aplikasi MySejahtera semasa pelanggan memasuki premis untuk *dine in*. Bagi individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah untuk *dine-in* di premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum.

Pemilik premis perniagaan yang melibatkan aktiviti *dine in* perlu memaparkan di pintu masuk premis perniagaan jumlah pekerja yang telah menerima vaksinasi lengkap serta memaparkan notis penerimaan pelanggan yang telah lengkap divaksin dan tidak bergejala sahaja di pintu masuk premis. Hanya pekerja yang telah menerima vaksin dos lengkap dan tidak bergejala sahaja dibenarkan bekerja dengan kadar vaksinasi berikut:

- (i) 40%: Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60%.
- (ii) 60%: Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 80%.
- (iii) 80%: Dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 100%.

## BAHAGIAN 2: SOALAN UMUM BERHUBUNG HAD JUMLAH PEKERJA DAN PELANGGAN

### 11. Bagaimana kaedah untuk menentukan had jumlah pelanggan premis peruncitan termasuk kompleks membeli belah dalam satu-satu masa?

Bagi pemilik premis perniagaan peruncitan termasuk kompleks membeli belah perlu memastikan had jumlah pelanggan dalam satu-satu masa ( $a$ ) berdasarkan satu (1) orang pelanggan ( $x$ ) bagi setiap empat (4) meter persegi ruang lantai niaga ( $y$ ).

Contoh pengiraan had jumlah pelanggan ( $y \div x = a$ ) adalah seperti berikut:

Format Premis	Keluasan Lantai Keseluruhan (sqm)	Keluasan Ruang Lantai Niaga (sqm) ( $y$ )	Bilangan Pelanggan yang dibenarkan ( $a$ )
Pasaraya Besar	6,400	1,500	375 orang
<i>Supermarket</i>	800	200	50 orang
<i>Mini Market / Kedai Runcit</i>	180	45	11 orang
Kedai Serbaneka	100	25	6 orang
Kedai Khusus	80	20	5 orang

Pemilik premis juga dikehendaki untuk memaparkan dengan jelas bilangan pelanggan yang dibenarkan berada di dalam premis pada satu-satu masa.

### 12. Berapa jumlah kapasiti kehadiran pekerja yang dibenarkan dalam tempoh Fasa Pertama, Kedua dan Ketiga PPN?

Kapasiti kehadiran pekerja adalah seperti pada soalan No. 1, 2 dan 5 merangkumi semua peringkat pengurusan pejabat, operasi dan sokongan. Kapasiti pekerja bagi perniagaan yang tertakluk di bawah Fasa Kedua dan Ketiga PPN adalah dibenarkan sehingga 80% kecuali bagi premis restoran yang menyediakan perkhidmatan *dine-in*.

**13. Bagaimana kaedah untuk menentukan kapasiti kehadiran pekerja pada kadar 60% dan 80% bagi premis yang mempunyai kurang dari 10 pekerja?**

Bagi pemilik premis perniagaan peruncitan, pemborongan dan pengedaran yang mempunyai sepuluh (10) orang pekerja atau kurang perlu memastikan kapasiti kehadiran pekerja 60% seperti berikut:

- (i) Premis yang mempunyai 9 atau 8 orang pekerja hanya **lima (5) orang pekerja yang dibenarkan;**
- (ii) Premis yang mempunyai 7 atau 6 orang pekerja hanya **empat (4) orang pekerja yang dibenarkan;**
- (iii) Premis yang mempunyai 5 atau 4 orang pekerja hanya **tiga (3) orang pekerja yang dibenarkan;** dan
- (iv) Premis yang mempunyai kurang dari 3 orang pekerja adalah dibenarkan beroperasi dengan kapasiti kehadiran pekerja seperti biasa atau mengikut giliran bertugas yang ditetapkan.

Manakala pemilik premis perniagaan peruncitan, pemborongan dan pengedaran yang mempunyai sepuluh (10) orang pekerja atau kurang perlu memastikan kapasiti kehadiran pekerja 80% seperti berikut:

- (i) Premis yang mempunyai 9 atau 8 orang pekerja hanya **tujuh (7) orang pekerja yang dibenarkan;**
- (ii) Premis yang mempunyai 7 atau 6 orang pekerja hanya **lima (5) orang pekerja yang dibenarkan;**
- (iii) Premis yang mempunyai 5 atau 4 orang pekerja hanya **tiga (3) orang pekerja yang dibenarkan;** dan
- (iv) Premis yang mempunyai kurang dari 3 orang pekerja adalah dibenarkan beroperasi dengan kapasiti kehadiran pekerja seperti biasa atau mengikut giliran bertugas yang ditetapkan.

**14. Bagaimana kaedah untuk menentukan kapasiti kehadiran pekerja yang telah lengkap divaksinasi bagi premis restoran yang menyediakan *dine-in*?**

Bagi pemilik premis restoran yang menyediakan *dine-in* dan telah mencapai kadar vaksinasi pekerja 40% serta mempunyai sepuluh (10) orang pekerja atau kurang dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 60% seperti berikut:

- (i) Premis yang mempunyai 9 atau 8 orang pekerja hanya **lima (5) orang pekerja yang dibenarkan;**
- (ii) Premis yang mempunyai 7 atau 6 orang pekerja hanya **empat (4) orang**

**pekerja yang dibenarkan;**

- (iii) Premis yang mempunyai 5 atau 4 orang pekerja hanya **tiga (3) orang pekerja yang dibenarkan;** dan
- (iv) Premis yang mempunyai kurang dari 3 orang pekerja adalah dibenarkan beroperasi dengan kapasiti kehadiran pekerja seperti biasa atau mengikut giliran bertugas yang ditetapkan dengan **SYARAT seorang pekerja telah menerima vaksinasi lengkap.**

Manakala pemilik premis restoran yang menyediakan *dine-in* dan telah mencapai kadar vaksinasi pekerja 60% serta mempunyai sepuluh (10) orang pekerja atau kurang dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 80% seperti berikut:

- (i) Premis yang mempunyai 9 atau 8 orang pekerja hanya **tujuh (7) orang pekerja yang dibenarkan;**
- (ii) Premis yang mempunyai 7 atau 6 orang pekerja hanya **lima (5) orang pekerja yang dibenarkan;**
- (iii) Premis yang mempunyai 5 atau 4 orang pekerja hanya **tiga (3) orang pekerja yang dibenarkan;** dan
- (iv) Premis yang mempunyai kurang dari 3 orang pekerja adalah dibenarkan beroperasi dengan kapasiti kehadiran pekerja seperti biasa atau mengikut giliran bertugas yang ditetapkan dengan **SYARAT seorang pekerja telah menerima vaksinasi lengkap.**

Bagi pemilik premis restoran yang menyediakan *dine-in* dan telah mencapai kadar vaksinasi pekerja 80% serta mempunyai sepuluh (10) orang pekerja atau kurang dibenarkan beroperasi dengan kapasiti 100%.

### **BAHAGIAN 3: SOALAN UMUM SEKTOR PERDAGANGAN PENGEDARAN**

**15. Apakah yang dimaksudkan dengan sektor perdagangan pengedaran?**

Aktiviti menyampaikan termasuk mengedar, menjual dan membeli barangan (produk yang ditinkan, dibungkus, dikotakkan dan lain-lain kaedah) serta perkhidmatan (gunting rambut, salon kecantikan, penyimpanan stor/gudang dan lain-lain). Sektor perdagangan dan pengedaran terbahagi kepada tiga (3) sub-sektor iaitu peruncitan, pemborongan dan pengedaran kenderaan bermotor.

**16. Apakah yang dimaksudkan dengan *departmental store*?**

*Departmental Store* adalah gedung membeli-belah seperti AEON, Parkson, Sogo, Metrojaya, The Store dan Billion yang menjual pelbagai jenis barangan pengguna dan dibahagikan seksyen khusus mengikut jantina, umur dan barangan keperluan rumah dengan pelbagai saiz ruang lantai niaga.

**17. Adakah *departmental store* dibenarkan menjual pelbagai jenis barang dagangan?**

Bagi Fasa Pertama, *departmental store* adalah dibenarkan menjual pelbagai jenis barang dagangan **KECUALI** seksyen kosmetik dan alat permainan kanak-kanak, produk kosmetik dan kecantikan (termasuk penjagaan kulit dan minyak wangi) tanpa syarat vaksinasi lengkap. Namun, kemudahan kepada penerima vaksin lengkap adalah dibenarkan menjual pelbagai jenis barang dagangan seperti di dalam SOP perdagangan pengedaran Fasa Pertama dan Kedua PPN. Manakala, bagi Fasa Ketiga semua jenis barang dagangan adalah **dibenarkan** dengan syarat mematuhi SOP sedia ada.

**18. Adakah kedai runcit, pasaraya, pasaraya besar, kedai serbaneka dan *mini mart* dibenarkan menjual semua jenis barang dagangan?**

**YA.** Kedai runcit, pasaraya, pasaraya besar, kedai serbaneka dan *mini mart* dibenarkan menjual semua jenis barang dagangan.

**19. Apakah yang dimaksudkan dengan barang keperluan bayi?**

Barang keperluan bayi merangkumi makanan dan minuman serta keperluan asas seperti botol susu, pampers, tisu basah, ubat-ubatan dan makanan tambahan. Namun, pakaian bayi seperti kasut, stoking, baju dan topi adalah **TIDAK TERMASUK** dalam kategori ini kecuali kemudahan kepada penerima vaksin lengkap dan perniagaan yang tertakluk di bawah Fasa Ketiga PPN.

**20. Adakah perniagaan secara dalam talian atau e-dagang dibenarkan untuk semua jenis produk?**

**YA.** Walau bagaimanapun setiap permohonan akan disemak dengan teliti berdasarkan maklumat pendaftaran perniagaan, bilangan pekerja dan tempoh syarikat beroperasi. Kementerian juga perlu memastikan bilangan pekerja yang diluluskan bagi sektor e-dagang dalam tempoh PKP ini adalah terkawal.

**21. Sekiranya kebenaran beroperasi dibenarkan di bawah e-dagang, adakah semua pekerja (mengikut kapasiti had kehadiran) boleh keluar ke premis perniagaan seperti biasa?**

Kebenaran beroperasi secara dalam talian atau e-dagang adalah bertujuan mengurangkan mobiliti pekerja/pelanggan secara fizikal. Justeru, pemilik premis perniagaan hendaklah memastikan sebarang transaksi dijalankan secara dalam talian sahaja. Manakala kehadiran ke premis perniagaan yang **dihadkan 60%** dikhususkan bagi urusan pembungkusan dan penghantaran barangan sahaja.

**22. Apakah waktu operasi *Distribution Centre/ Warehouse* bagi perkhidmatan e-dagang?**

Tertakluk kepada waktu operasi biasa perniagaan.

**23. Apakah waktu operasi bagi tujuan pembungkusan dan *drop off* penghantaran barangan di premis perniagaan bagi e-dagang?**

Antara jam 8.00 pagi sehingga 8.00 malam bagi Fasa 1, 6.00 pagi sehingga 10.00 malam bagi Fasa 2 dan 6.00 pagi sehingga 12.00 tengah malam bagi Fasa 3.

**24. Adakah premis perniagaan boleh dibuka untuk pelanggan bagi kategori e-dagang?**

**TIDAK DIBENARKAN.** Premis peruncitan hanya boleh dibuka bagi tujuan pembungkusan dan penghantaran barangan secara pos/ kurier sahaja kecuali yang tersenarai dalam perkhidmatan perlu seperti jadual pada FAQ No. 1, 2 dan 5.

**25. Adakah waktu operasi Gudang (*Warehouse*)/ Pusat Pengedaran (*Distribution Centre*) tertakluk kepada 8.00 pagi hingga 8.00 malam?**

**TIDAK.** Gudang (*Warehouse*)/ Pusat Pengedaran (*Distribution Centre*) yang mempunyai waktu operasi 24 jam boleh beroperasi seperti biasa.

**26. Apakah yang dimaksudkan dengan kedai penjagaan diri?**

Kedai penjagaan diri adalah merupakan kedai-kedai yang menjual barang keperluan diri termasuk farmasi yang menjual ubat-ubatan, produk kesihatan serta makanan tambahan (*suppliment*) dalam satu premis.

Kedai penjagaan diri yang tiada farmasi atau menawarkan perkhidmatan SPA, *wellness* dan *manicure padicure* seperti produk penjagaan kulit dan kecantikan adalah **TIDAK TERMASUK** dalam kategori ini **KECUALI** kemudahan kepada penerima vaksin lengkap di Fasa Kedua PPN dan perniagaan yang tertakluk di bawah Fasa Ketiga PPN.

**27. Adakah premis perniagaan yang menjual pelbagai perkhidmatan dan barangan termasuklah di bawah kategori perkhidmatan perlu dan tidak perlu boleh beroperasi?**

Premis perniagaan yang menjual perkhidmatan dan produk perkhidmatan perlu yang mempunyai **70% barangan sahaja akan dipertimbang** untuk diberikan kelulusan beroperasi. Pemilik premis yang memenuhi pra-syarat ini dan diberikan kelulusan beroperasi hendaklah menutup seksyen/ bahagian perkhidmatan tidak perlu (*non-essential*). Perniagaan yang tidak memenuhi pra-syarat ini **TIDAK** dibenarkan beroperasi kecuali kedai runcit, pasaraya, pasaraya besar, kedai



serbaneka dan *mini mart*.

**28. Bagaimana sekiranya premis peruncitan tersenarai di bawah Sistem *Hotspots Identification for Dynamic Engagement (HIDE)*?**

Sekiranya tersenarai dalam Sistem HIDE, pemilik premis peruncitan perlu melaksanakan langkah intervensi dengan segera dengan meningkatkan kawalan dan pemantauan pematuan SOP sedia ada dengan lebih ketat. Sekiranya premis tersebut tidak melaksanakan langkah intervensi yang sepatutnya dan masih berisiko sebagai kawasan jangkitan selepas penilaian risiko dibuat oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) barulah premis akan diarahkan untuk ditutup serta-merta oleh PKD.

**29. Berapa lama tempoh premis peruncitan yang tersenarai dibawah Sistem *Hotspots Identification for Dynamic Engagement (HIDE)* yang diarahkan tutup oleh PKD boleh beroperasi semula?**

Premis peruncitan yang diarah tutup oleh PKD boleh beroperasi semula selepas tempoh tiga (3) hari atau seperti mana tempoh yang diarahkan oleh PKD. Semasa tempoh penutupan premis, langkah-langkah sanitasi dan mempertingkatkan pematuan SOP wajib dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**30. Adakah syarikat perlu mendapatkan surat kebenaran operasi untuk beroperasi dalam tempoh Fasa Pertama dan Kedua Pelan Pemulihan Negara?**

Untuk makluman, surat kebenaran beroperasi yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan KPDNHEP sebelum ini adalah terbatal mulai 1 Jun 2021. Oleh itu, semua perkhidmatan perlu di bawah sektor perdagangan pengedaran perlu mendapatkan surat kebenaran beroperasi yang baharu melalui sistem *COVID-19 Intelligent Management System (CIMS)* versi 3.0. termasuk bagi pembukaan premis e-dagang mengikut sub sektor yang diluluskan di No 1, 2 dan 5.

**31. Adakah perniagaan yang dikategorikan sebagai perkhidmatan perlu dibenarkan beroperasi walaupun masih belum mendapatkan surat kebenaran operasi?**

**YA.** Namun, syarikat masih perlu mendapatkan surat kebenaran operasi PPN yang baharu melalui sistem CIMS 3.0 terutamanya bagi tujuan rentas daerah dan negeri seperti penghantaran barang dan bekerja.

**32. Adakah kerja-kerja pengubahsuaian premis perniagaan boleh diteruskan?**

Bagi kerja-kerja pengubahsuaian yang sedang berjalan di premis perniagaan adalah perlu **ditangguhkan**. Sekiranya terdapat isu-isu keselamatan, pihak syarikat perlu mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk kerja pengubahsuaian diteruskan. Pemilik premis juga disarankan untuk merujuk kepada SOP berkaitan yang dikeluarkan oleh agensi kawal selia bagi perkhidmatan tersebut.

**33. Adakah kerja-kerja penyelenggaraan/ baik pulih peralatan penting premis perniagaan di bawah senarai perkhidmatan perlu boleh dilaksanakan?**

Kerja-kerja penyelenggaraan/ baik pulih peralatan penting premis perniagaan yang bersifat kritikal di bawah senarai perkhidmatan perlu adalah dibenarkan untuk dilaksanakan melalui temujanji sahaja. Namun, permohonan kelulusan beroperasi oleh kontraktor penyelenggaraan.

**34. Adakah *push cart* / *booth* jualan sedia ada boleh beroperasi?**

*Push cart* / *booth* jualan sedia ada dibenarkan beroperasi berdasarkan senarai perkhidmatan perlu seperti di dalam SOP perdagangan pengedaran termasuk kemudahan kepada penerima vaksinasi lengkap. Namun, pembukaan *push cart* / *booth* jualan yang baru adalah tertakluk kepada kebenaran oleh pemilik kompleks membeli-belah / premis perniagaan.

**35. Adakah ibu pejabat dan gudang syarikat yang berada di kawasan Fasa Pertama, Kedua dan Ketiga Pelan Pemulihan Negara boleh menghantar barangan ke premis di kawasan PKPD?**

**YA.** Namun, pekerja perlu menggunakan surat kebenaran operasi melalui sistem CIMS 3.0 untuk pengesahan oleh pihak berkuasa.

**36. Adakah pusat panggilan perkhidmatan pelanggan dibenarkan untuk beroperasi?**

**YA.** Operasi adalah tertakluk dengan arahan SOP berkaitan.

**37. Adakah *third party service providers* dibenarkan beroperasi bagi membantu operasi dan rantai bekalan?**

Perkhidmatan yang akan memberi impak secara langsung kepada keselamatan dan bekalan bagi perkhidmatan perlu adalah dibenarkan beroperasi. Pengguna dan juga *third party service providers* perlu mengambil kira SOP berkaitan serta tidak meletakkan pekerja mereka dan pekerja pelanggan dalam keadaan berisiko

mendapat jangkitan.

**38. Adakah syarikat perkhidmatan pembersihan di premis pasaraya/kedai serbaneka/ kedai runcit dibenarkan beroperasi?**

**YA.** Operasi adalah tertakluk kepada arahan SOP berkaitan.

**39. Adakah pemborong tertakluk kepada Senarai Perkhidmatan Perlu?**

Pemborong dibenarkan beroperasi bagi kategori produk perkhidmatan perlu sahaja. Pemborong merupakan antara peringkat perdagangan pengedaran yang penting. Ini bagi memastikan penyampaian barang serta stok mencukupi di peringkat peruncitan.

**40. Adakah semua jenis perniagaan jualan langsung dan francais dibenarkan beroperasi?**

**TIDAK.** Hanya perniagaan jualan langsung dan francais yang menjual perkhidmatan/ produk di bawah takrifan perkhidmatan perlu dan kemudahan kepada penerima vaksin sahaja dibenarkan beroperasi.

**41. Adakah pekerja diwajibkan divaksin untuk beroperasi?**

Pada masa ini tidak menjadi syarat tetapi majikan dan pekerja dikehendaki memastikan pekerja sudah mendaftar untuk divaksin dengan segera samada melalui MySejahtera atau menyertai Program Vaksinasi Industri Peruncitan (RiVAC) yang dikendalikan oleh KPDNHEP. Syarat pekerja sudah divaksin mungkin akan dilaksanakan pada masa hadapan. Untuk maklumat lanjut berkaitan program RiVAC sila layari [www.kpdnhep.gov.my](http://www.kpdnhep.gov.my). Pemilik premis wajib mempamerkan vaksinasi pekerja yang divaksin dan menyediakan pekerja untuk menyemak sijil vaksinasi (*Digital Certificate*) pelanggan di aplikasi MySejahtera semasa pelanggan memasuki premis bagi sub sektor yang terlibat di Fasa 1 dan 2 PPN.

**42. Apakah *Standard Operating Procedure* (SOP) yang perlu dipatuhi oleh premis-premis sektor perdagangan pengedaran yang beroperasi?**

SOP bagi Sektor Perdagangan Pengedaran yang terkini boleh dimuat turun dari laman sesawang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melalui pautan [www.kpdnhep.gov.my](http://www.kpdnhep.gov.my) dan Majlis Keselamatan Negara melalui pautan [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my)

Syarikat-syarikat yang menjalankan operasi sektor perdagangan pengedaran adalah sentiasa diingatkan untuk memastikan pematuhan SOP yang ketat ke atas pekerja dan pelanggan dengan memastikan operasi yang minimum, terkawal dan

pelanggan tidak bersesak di dalam premis masing-masing. Pemilik premis perlu memastikan premis diletakkan tanda panduan dengan jarak 1 meter untuk pelanggan beratur semasa di kaunter bayaran atau di luar premis.

**43. Adakah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan menjalankan penguatkuasaan ke atas sektor perdagangan pengedaran?**

KPDNHEP adalah salah satu agensi yang telah diperturunkan kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) bagi menguatkuasakan pematuhan SOP di bawah sektor perdagangan pengedaran.

Bahagian Penguatkuasa KPDNHEP boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana premis perdagangan pengedaran yang melanggar SOP Sektor Peruncitan termasuk tindakan kompaun dibawah Akta 342.

**44. Apakah talian yang boleh dihubungi sekiranya pihak syarikat/ pemohon mempunyai pertanyaan berkaitan SOP, soalan lazim perdagangan pengedaran dan permohonan kebenaran beroperasi di bawah sistem CIMS 3.0?**

Pihak syarikat boleh menghubungi Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan, KPDNHEP di talian **03-8882 6322 / 03 8882 6587** atau secara email kepada [roa@kpdnhep.gov.my](mailto:roa@kpdnhep.gov.my). Pihak syarikat/ pemohon juga boleh menghubungi pejabat KPDNHEP Negeri bagi pertanyaan berkaitan SOP, soalan lazim perdagangan pengedaran dan permohonan kebenaran beroperasi melalui sistem CIMS 3.0 di talian berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Pejabat KPDNHEP</b>	<b>No. Talian <i>Hotline</i></b>
1.	Putrajaya	03-8882 6088 / 03-8882 6245
2.	Kuala Lumpur	03-4045 4680 / 011-1089 6781
3.	Selangor	03-5514 4393 / 03-5514 4300
4.	Negeri Sembilan	06-6016 570 / 06-6016 245
5.	Melaka	06-2345 869 / 011-1898 1906
6.	Johor	07-2272 811 / 019-4161 598
7.	Terengganu	09-6204 173 / 09-6204 694
8.	Pahang	09-5717 757

9.	Kelantan	09-7416 000 / 013-4832 300
10.	Perlis	04-9795 000 / 010-3041 987
11.	Kedah	04-7001 730
12.	Pulau Pinang	04-3840 100 / 04-3840 408
13.	Perak	05-2414 611
14.	Sabah	08-8484 546 / 019-366 9297
15.	Sarawak	08-2466 052
16.	Labuan	08-7423 152 / 019-2620 774

**Catatan:**

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak - individu, badan, persatuan sukan, syarikat / operator fasiliti terbuka untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), SOP Pencegahan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik COVID-19 ini.*
- 2) *Sekiranya berlaku percanggahan di antara dokumen rasmi terlibat maka Pelan Pemulihan Negara (SOP Fasa 1, 2 dan 3) yang dikeluarkan oleh MKN perlu diguna pakai. Sebagai contoh, premis perniagaan telah mendapat kelulusan beroperasi daripada sistem CIMS 3.0 namun pada masa tersebut Pelan Pemulihan Negara (SOP Fasa 1, 2 dan 3) tidak membenarkan sub-sektor tersebut untuk beroperasi. Maka arahan Pelan Pemulihan Negara (SOP Fasa 1, 2 dan 3) daripada MKN perlu dipatuhi dan bukannya surat CIMS 3.0 tersebut.*
- 3) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA  
23 Ogos 2021**